

13 JAN 2003

Mustapa-PAS

JEMPUTAN PAS TERHADAP DAP SATU HELAH POLITIK

KOTA BAHARU, 13 Jan (Bernama) -- Pelawaan PAS terhadap DAP supaya menyertai semula pakatan pembangkang, membuktikan PAS semakin tertekan bagi memenangi hati rakyat negara ini, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata tindakan terbaru PAS itu untuk bersama DAP semula bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, hanya satu helah mengabui mata rakyat kononnya PAS adalah sebuah parti yang terbuka.

"Tindakan PAS itu hanyalah untuk menyembunyikan rupa sebenar parti itu yang dikenali sebagai sebuah parti politik yang ekstremis," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjemput DAP menyertai semula pakatan itu bagi membolehkan pembangkang menghadapi BN secara satu lawan satu tetapi Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock dilaporkan menolaknya.

Hari ini, Musrsyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta DAP memikirkan semula pelawaan itu bagi kepentingan bersama.

Mustapa berkata PAS sedar ia memerlukan bantuan dan pengaruh DAP khususnya untuk mendapatkan undi daripada pengundi bukan Melayu.

"Sebab itu mereka sanggup merayu walaupun DAP telah menolaknya," katanya.

Beliau berkata suasana politik sekarang berbeza berbanding pada pilihan raya umum 1999 apabila DAP diperalatkan oleh PAS untuk kepentingan mereka sendiri dan kali ini pemimpin DAP telah menyedarinya.

Berhubung lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan bermula Rabu ini, Mustapa berkata peluang itu akan digunakan untuk merakamkan penghargaan rakyat terhadap kerajaan pusat yang tetap melaksanakan tanggungjawab membangunkan negeri ini walaupun ia diperintah PAS.

"Kunjungan Perdana Menteri juga akan meningkatkan azam kita bagi menawan semula Kelantan sebagai hadiah istimewa untuk Dr Mahathir yang akan bersara," katanya.

Belau juga berkata Umno Kelantan berbekalkan tema "Perubahan Sudah Bermula" akan mempertingkatkan kempen penerangan di kalangan rakyat negeri ini.

-- BERNAMA

RAR RON